



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 16 TAHUN 2002

**PELANTIKAN SETIAUSAHA SULIT KANAN,
SETIAUSAHA SULIT DAN SETIAUSAHA AKHBAR**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan menjelaskan urusan pelantikan Setiausaha Sulit Kanan (SUSK), Setiausaha Sulit (SUS) atau Setiausaha Akhbar (SUA) kepada Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen supaya selaras dengan Sistem Saraan Malaysia.

DEFINISI

2. Untuk tujuan Pekeliling Perkhidmatan ini:

“jawatan hakiki” bermaksud jawatan asal pegawai sebelum ia dilantik sebagai SUSK, SUS atau SUA kepada Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen;

“pegawai awam” bermaksud pegawai yang dilantik secara tetap oleh mana-mana pihak berkuasa melantik;

“penempatan khas” bermaksud pengisian jawatan SUSK, SUS atau SUA kepada Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen oleh pegawai dalam skim perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD), Pegawai Penerangan (PP) dan Penolong Pegawai Tadbir (PPT) di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA);

“pinjaman” bermaksud pelantikan pegawai selain daripada PTD, PP atau PPT untuk mengisi jawatan SUSK, SUS atau SUA kepada Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen;

“skel jumlah pendapatan” bermaksud jadual gaji yang disediakan khusus untuk SUSK, SUS atau SUA kepada Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen; dan

“SUSK, SUS dan SUA” bermaksud Setiausaha Sulit Kanan, Setiausaha Sulit dan Setiausaha Akhbar kepada Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen.

LATAR BELAKANG

3. Pada masa ini pelantikan SUSK, SUS dan SUA diuruskan melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1980, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 1982 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1983 serta keputusan Kerajaan yang dikuatkuasakan mulai 1 Jun 1998.

4. Sistem Saraan Malaysia yang berkuatkuasa mulai 1 November 2002, antara lain mengubahsuai struktur gaji, penggredan semula jawatan dan penggelaran semula gred jawatan. Pengubahsuaian ini memerlukan pindaan ke atas skel gaji dan gred jawatan SUSK, SUS dan SUA. Pindaan ini juga melibatkan pengemaskinian urusan pelantikan SUSK, SUS dan SUA yang boleh dijadikan panduan oleh Bahagian Sumber Manusia, Kementerian.

PINDAAN

Penggelaran Semula Gred Jawatan

5. Gelaran baru gred jawatan SUSK, SUS dan SUA adalah seperti berikut:
 - (i) SUSK kepada Menteri:
Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M48 atau setaraf;
 - (ii) SUSK kepada Timbalan Menteri:
Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41 atau setaraf;
 - (iii) SUS kepada Menteri dan Timbalan Menteri:
Penolong Pegawai Tadbir Gred N36 atau setaraf;
 - (iv) SUS kepada Setiausaha Parlimen:
Penolong Pegawai Tadbir Gred N32 atau setaraf; dan
 - (v) SUA kepada Menteri:
Pegawai Penerangan Gred S41 atau setaraf.

Skel Jumlah Pendapatan

6. Skel jumlah pendapatan bagi jawatan SUSK, SUS dan SUA seperti berikut:
 - (i) SUSK kepada Menteri:
RM5,640.75 hingga RM6,361.91;
 - (ii) SUSK kepada Timbalan Menteri:
RM4,035.37 hingga RM4,567.77;
 - (iii) SUS kepada Menteri dan Timbalan Menteri:
RM3,334.11 hingga RM3,856.83;
 - (iv) SUS kepada Setiausaha Parlimen:
RM2,809.63 hingga RM3,124.23; dan

- (v) SUA kepada Menteri:
RM3,976.08 hingga RM4,498.80.

7. Skel jumlah pendapatan SUSK, SUS dan SUA ditambah daripada 4 kepada 5 skel jumlah pendapatan selaras dengan tambahan satu matagaji kepada matagaji maksimum. Skel jumlah pendapatan sekarang dan baru seperti **Lampiran**.

Pergerakan Gaji

8. Pegawai yang menyandang jawatan SUSK, SUS dan SUA secara penempatan khas, pinjaman atau pelantikan kontrak layak dipertimbangkan pergerakan gaji biasa.

Penilaian Tahap Kecekapan

9. Pegawai yang menyandang jawatan SUSK, SUS dan SUA secara penempatan khas atau pinjaman boleh menduduki Penilaian Tahap Kecekapan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. Pegawai yang lulus dan memenuhi syarat boleh dipertimbangkan anjakan gaji di jawatan hakiki secara isyarat.

10. Sekiranya gaji hakiki pegawai mengalami peningkatan akibat daripada kenaikan pangkat atau anjakan gaji hingga menyebabkan gaji hakiki lebih tinggi daripada jumlah pendapatan maksimum jawatan SUSK, SUS dan SUA, maka Ketua Jabatan bolehlah membayar kepada pegawai gaji gred jawatan hakiki dan gaji tersebut kekal secara Khas Untuk Penyandang.

KAEDAH PENGISIAN

11. Kaedah pengisian jawatan SUSK, SUS dan SUA yang sedia ada dikekalkan dan dilaksanakan mengikut keutamaan berikut:

11.1 Penempatan Khas

Pengisian jawatan SUSK, SUS dan SUA secara penempatan khas perlu diberi keutamaan kepada pegawai PTD, PP atau PPT selaras dengan skim perkhidmatan yang ditetapkan. Penempatan khas PTD dan PPT akan diuruskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sementara penempatan khas PP akan diuruskan oleh Kementerian Penerangan Malaysia.

11.2 Pelantikan Secara Pinjaman

Jika atas sebab-sebab tertentu penempatan khas tidak dapat dibuat, pelantikan di kalangan pegawai daripada skim perkhidmatan yang lain, hendaklah diuruskan secara pinjaman.

11.3 Pelantikan Secara Kontrak

Sekiranya Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen memilih calon yang bukan pegawai awam, maka pelantikan akan dibuat secara kontrak.

PROSEDUR

12. Pelantikan SUSK, SUS dan SUA hendaklah mengikut langkah-langkah berikut:

12.1 Penempatan Khas

Bahagian Sumber Manusia, Kementerian hendaklah mendapatkan senarai calon dari kalangan PTD, PP atau PPT dari Ketua Perkhidmatan dan mengemukakannya kepada Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen yang memerlukan calon berkenaan untuk proses pemilihan. Jika dipersetujui, pelantikan secara penempatan khas akan

diperakukan kepada Ketua Perkhidmatan pegawai. Ketua Perkhidmatan akan mengeluarkan surat tawaran penempatan dan mengarahkan pegawai supaya melaporkan diri.

12.2 *Pelantikan Secara Pinjaman*

Jika Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen memilih calon dari kalangan pegawai awam dalam skim perkhidmatan yang lain, Bahagian Sumber Manusia, Kementerian hendaklah membuat perakuan kepada JPA untuk semakan dan seterusnya memperakukan kepada SPA untuk pelantikan.

12.3 *Pelantikan Secara Kontrak*

Jika Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen memilih calon sendiri yang bukan pegawai awam, mereka bertanggungjawab mendapatkan persetujuan Y.A.B. Perdana Menteri terlebih dahulu. Setelah persetujuan diperolehi, perakuan pelantikan hendaklah dikemukakan kepada JPA oleh Bahagian Sumber Manusia, Kementerian. JPA akan membuat semakan sebelum memperakukan kepada Ketua Setiausaha Negara atau SPA mengikut kategori pegawai seperti jadual di bawah:

Kategori Pegawai	Tempoh Kontrak	KSN	SPA
Gred M48	Tiada berkaitan		✓
Gred M41, S41 N36, N32	Tidak lebih 5 tahun	✓	
Gred M41, S41 N36, N32	Lebih 5 tahun		✓

13. Perakuan pelantikan secara pinjaman hendaklah disertakan dengan dokumen berikut:

- (i) Kenyataan Perkhidmatan pegawai yang kemaskini;
- (ii) Laporan Penilaian Prestasi Tahunan bagi tahun yang terakhir;
- (iii) surat persetujuan Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen;
dan
- (iv) surat persetujuan pegawai.

14. Perakuan pelantikan secara kontrak hendaklah disertakan dengan dokumen berikut:

- (i) Biodata calon (*Curriculum Vitae*);
- (ii) surat persetujuan Y.A.B. Perdana Menteri (bagi lantikan pertama);
- (iii) surat persetujuan Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen;
dan
- (iv) surat persetujuan pegawai.

PENAMATAN

15. Penamatan SUSK, SUS dan SUA boleh dibuat seperti berikut:

15.1 Penempatan Khas

Sekiranya perkhidmatan pegawai tidak diperlukan lagi, pegawai hendaklah dikembalikan kepada Ketua Perkhidmatan masing-masing. Pegawai akan menerima gaji jawatan hakiki yang layak diterima seolah-olah tidak pernah dibuat penempatan di atas.

15.2 Pelantikan Secara Pinjaman

Sekiranya tempoh pinjaman hendak dipendekkan oleh mana-mana pihak, notis pemendekan tempoh pinjaman hendaklah diberikan oleh pihak berkenaan. Perakuan pemendekan tempoh pinjaman hendaklah

dikemukakan kepada SPA melalui JPA untuk kelulusan. Pegawai akan menerima gaji jawatan hakiki yang layak diterima seolah-olah tidak pernah dipinjamkan.

15.3 Pelantikan Secara Kontrak

Sekiranya kontrak hendak ditamatkan oleh mana-mana pihak, penamatan hendaklah dibuat mengikut syarat kontrak yang telah dipersetujui.


TARIKH KUATKUASA

16. Pekeliling Perkhidmatan ini dikuatkuasakan pada 1 November 2002.

PEMBATALAN

17. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1980, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 1982 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1983 adalah dibatalkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

Tarikh: 31 DISEMBER 2002

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

**JADUAL JUMLAH PENDAPATAN BAGI SETIAUSAHA SULIT KANAN,
SETIAUSAHA SULIT DAN SETIAUSAHA AKHBAR KEPADA
MENTERI, TIMBALAN MENTERI DAN SETIAUSAHA PARLIMEN**

- i. Setiausaha Sulit Kanan kepada Y.B. Menteri, atas jawatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M48 : *(Jadual 1)*

Jadual Jumlah Pendapatan Sekarang

	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4
Gaji	RM 4325.75 (P1T4)	RM 4506.04 (P1T5)	RM 4686.33 (P1T6)	RM 4866.62 (P1T7)
ITP	RM 700	RM 700	RM 700	RM 700
ITKA	RM 550	RM 550	RM 550	RM 550
Jumlah Pendapatan	RM 5575.75	RM 5756.04	RM 5936.33	RM 6116.62

Jadual Jumlah Pendapatan Sistem Saraan Malaysia

	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4	Tahun 5
Gaji	RM 4390.75 (P1T4)	RM 4571.33 (P1T5)	RM 4751.33 (P1T6)	RM 4931.62 (P1T7)	RM 5111.91 (P1T8)
ITP	RM 700	RM 700	RM 700	RM 700	RM 700
ITKA	RM 550	RM 550	RM 550	RM 550	RM 550
Jumlah Pendapatan	RM 5640.75	RM 5821.33	RM 6001.33	RM 6181.62	RM 6361.91

- ii. Setiausaha Sulit Kanan kepada Y.B. Timbalan Menteri, atas jawatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41 : *(Jadual 2)*

Jadual Jumlah Pendapatan Sekarang

	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4
Gaji	RM 3505.37 (P1T20)	RM 3638.47 (P1T21)	RM 3771.57 (P1T22)	RM 3904.67 (P1T23)
ITP	RM 165	RM 165	RM 165	RM 165
ITKA	RM 300	RM 300	RM 300	RM 300
Jumlah Pendapatan	RM 3970.37	RM 4103.47	RM 4236.57	RM 4369.67

Jadual Jumlah Pendapatan Sistem Saraan Malaysia

	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4	Tahun 5
Gaji	RM 3570.37 (P1T20)	RM 3703.47 (P1T21)	RM 3836.57 (P1T22)	RM 3969.67 (P1T23)	RM 4102.77 (P1T24)
ITP	RM 165	RM 165	RM 165	RM 165	RM 165
ITKA	RM 300	RM 300	RM 300	RM 300	RM 300
Jumlah Pendapatan	RM 4035.37	RM 4168.47	RM 4301.57	RM 4434.67	RM 4567.77

- iii. Setiausaha Sulit kepada Y.B. Menteri dan Timbalan Menteri, atas jawatan Gred N36: *(Jadual 3)*

Jadual Jumlah Pendapatan Sekarang

	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4
Gaji	RM 3014.11 (P1T7)	RM 3144.79 (P1T8)	RM 3275.47 (P1T9)	RM 3406.15 (P1T10)
ITP	RM 135	RM 135	RM 135	RM 135
ITKA	RM 170	RM 170	RM 170	RM 170
Jumlah Pendapatan	RM 3319.11	RM 3449.79	RM 3580.47	RM 3711.15

Jadual Jumlah Pendapatan Sistem Saraan Malaysia

	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4	Tahun 5
Gaji	RM 3029.11 (P1T7)	RM 3159.79 (P1T8)	RM 3290.47 (P1T9)	RM 3421.15 (P1T10)	RM 3551.83 (P1T11)
ITP	RM 135	RM 135	RM 135	RM 135	RM 135
ITKA	RM 170	RM 170	RM 170	RM 170	RM 170
Jumlah Pendapatan	RM 3334.11	RM 3464.79	RM 3595.47	RM 3726.15	RM 3856.83

- iv. Setiausaha Sulit kepada Y.B. Setiausaha Parlimen, atas jawatan Gred N32: *(Jadual 4)*

Jadual Jumlah Pendapatan Sekarang

	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4
Gaji	RM 2544.63 (P1T9)	RM 2623.28 (P1T10)	RM 2701.93 (P1T11)	RM 2780.58 (P1T12)
ITP	RM 135	RM 135	RM 135	RM 135
ITKA	RM 115	RM 115	RM 115	RM 115
Jumlah Pendapatan	RM 2794.63	RM 2873.28	RM 2951.93	RM 3030.58

Jadual Jumlah Pendapatan Sistem Saraan Malaysia

	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4	Tahun 5
Gaji	RM 2559.63 (P1T9)	RM 2638.28 (P1T10)	RM 2716.93 (P1T11)	RM 2795.58 (P1T12)	RM 2874.23 (P1T13)
ITP	RM 135	RM 135	RM 135	RM 135	RM 135
ITKA	RM 115	RM 115	RM 115	RM 115	RM 115
Jumlah Pendapatan	RM 2809.63	RM 2888.28	RM 2966.93	RM 3045.58	RM 3124.23

- v. Setiausaha Akhbar kepada Y.B. Menteri, atas jawatan Pegawai Penerangan Gred S41 : (Jadual 5)

Jadual Jumlah Pendapatan Sekarang

	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4
Gaji	RM 3446.08 (P1T23)	RM 3576.76 (P1T24)	RM 3707.44 (P1T25)	RM 3838.12 (P1T26)
ITP	RM 165	RM 165	RM 165	RM 165
ITKA	RM 300	RM 300	RM 300	RM 300
Jumlah Pendapatan	RM 3911.08	RM 4041.76	RM 4172.44	RM 4303.12

Jadual Jumlah Pendapatan Sistem Saraan Malaysia

	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4	Tahun 5
Gaji	RM 3511.08 (P1T23)	RM 3641.76 (P1T24)	RM 3772.44 (P1T25)	RM 3903.12 (P1T26)	RM 4033.80 (P1T27)
ITP	RM 165	RM 165	RM 165	RM 165	RM 165
ITKA	RM 300	RM 300	RM 300	RM 300	RM 300
Jumlah Pendapatan	RM 3976.08	RM 4106.76	RM 4237.44	RM 4368.12	RM 4498.80